



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 5 SEPTEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6.	HASIL LAUT JOHOR SELAMAT DIMAKAN, DALAM NEGERI, UM -32 SEAFOOD IN JOHOR SAFE FOR EATING, SAYS DEPT, NATION, THE STAR -6 ALGA HANYA 'SERANG' SELAT TEBRAU TIMUR, LOKAL, JM -18 TIDAK PERLU BIMBANG MAKAN IKAN, KERANG-KERANGAN, NEGERI, SH -24 RAKYAT JOHOR USAH PANIK BELI HASIL LAUT, NASIONAL, BH -21 IKAN, KERANG JOHOR SELAMAT DIMAKAN, KOSMO, NEGARA -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9.	TUAI HASIL KEBUN PKP, DALAM NEGERI, UM -32 KEBUN FERTIGASI JADI SUMBER BULANAN, NEGARA, KOSMO -6 MADU KELULUT ASLI ABDUL RAHMAN DICARI RAMAI, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

## Hasil laut Johor selamat dimakan

**JOHOR BAHRU:** Jabatan Perikanan Negeri menafikan pernah melarang orang awam daripada memakan hasil laut seperti ikan dan kerang-kerangan yang didapati daripada perairan negeri ini.

Pengarahnya, No-raishah Hashim berkata, ia berlaku susulan kekeliruan membabitkan satu notis dikeluarkan jabatan itu berkaitan kemunculan Ledakan Alga Berbahaya (HAB) di perairan Selat Tebrau.

"Pejabat Perikanan Negeri Johor telah memaklumkan kehadiran HAB daripada spesies *Alexandrium Minutum* di Selat Tebrau melalui satu hantaran dalam laman Facebook rasmi pada 30 Ogos 2020.

"Ekoran daripada itu, masyarakat umum mulai panik dan takut untuk membeli ikan dan kerang-kerangan di pasaran," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Noraishah, notis tersebut dikeluarkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat supaya lebih berjaga-jaga tentang kehadiran alga berbahaya berkenaan.

"HAB tersebut hanya berlaku di Selat Tebrau Timur sahaja iaitu melibatkan perairan Kuala Masai-Teluk Jawa dan bukannya di keseluruhan perairan negeri ini.

"Justeru, pejabat ini ingin memaklumkan bahawa notis tersebut tidak pernah melarang orang awam untuk memakan ikan dan kerang-kerangan di negeri ini," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya mendapati tiada lagi berlaku kehadiran HAB di kawasan terlibat namun pemantauan berterusan akan terus dibuat.

# Seafood in Johor safe for eating, says dept

**JOHOR BARU:** The Johor Fisheries Department will continue to monitor the Tebrau Strait even though the area is now free of harmful algal blooms (HAB).

Its director Noraishah Hashim said the department never banned public consumption of fish and shellfish from Johor waterways.

"HAB was only detected in the eastern part of the Tebrau Strait, around the Kuala Masai-Teluk Jawa area, and did not affect the rest of Johor's waters," she said.

She admitted there was confusion over the issuance of a notice regarding the presence of HAB in the Tebrau Strait.

"The notice about the blooming of *Alexandrium minutum* was uploaded on the department's Facebook page on Aug 30.

"This caused panic among the public because many were afraid to buy fish and shellfish in the market. But the notice never banned the eating of fish and shellfish in Johor," she said.

"HAB is no longer detected in the area, but we will continue to monitor the situation," she said, adding that those wanting more information may contact the state Fisheries Department at 07-510 4808/4722.

## Alga hanya 'serang' Selat Tebrau Timur

**Johor Bahru:** Pejabat Perikanan negeri Johor menjelaskan Ledakan Alga Berbahaya (HAB) hanya berlaku di Selat Tebrau Timur sahaja iaitu Perairan Kuala Masai-Teluk Jawa.

Pengarah Perikanan negeri Johor, Noraishah Hashim berkata, HAB tidak berlaku di keseluruhan perairan negeri Johor.

Katanya notis peringatan dimuat naik di Facebook jabatan itu pada 30 Ogos lalu mengenai kemunculan HAB dari spesies *Alexandrium minutum* di Selat Tebrau menyebabkan masyarakat umum panik dan takut untuk membeli ikan dan kerang di pasaran.

"Pejabat ingin memaklumkan notis itu tidak pernah melarang orang awam untuk memakan ikan dan kerang di negeri Johor. Ini kerana HAB itu hanya berlaku di Selat Tebrau Timur sahaja memabatkan Perairan Kuala Masai-Teluk Jawa dan bukannya di keseluruhan perairan negeri ini.

"Notis itu dikeluarkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat supaya lebih berjaga-jaga mengenai kehadiran alga berbahaya berkenaan dan



*Notis itu dikeluarkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat supaya lebih berjaga-jaga"*

**Noraishah Hashim**

mohon bekerjasama dengan pejabat ini dengan melaporkan segera sekiranya terdapat tanda kemunculan alga ini.

"Hasil pemantauan berterusan dijalankan, tiada lagi berlaku kehadiran HAB. Buat masa ini pejabat masih memantau kawasan perairan terbabit dan sekitarnya walaupun keadaan kembali kepada sediakala," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sebarang maklumat boleh menghubungi Pejabat Perikanan Negeri Johor di talian 07-5104808/4722 atau faks di 07-5095372

Sebelum ini, Pejabat itu mengeluarkan notis peringatan di Facebook jabatan mengenai kemunculan HAB dari spesies *Alexandrium minutum* di Selat Tebrau.



KUPANG yang terbuka tercemar akibat Ledakan Alga Berbahaya (HAB) di Selat Tebrau Timur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/9/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	24

## Tidak perlu bimbang makan ikan, kerang-kerangan

**JOHOR BAHRU** - Orang ramai tidak perlu bimbang untuk menikmati ikan dan kerang-kerangan di negeri ini berikutan tiada lagi berlaku Ledakan Alga Berbahaya (HAB) daripada spesies *Alexandrium Minutum* di Selat Tebrau ketika ini.

Pengarah Perikatan Johor, Norais-hah Hashim berkata, hasil pemantauan berterusan oleh pihaknya mendapati tiada lagi berlaku kehadiran HAB namun pihaknya masih memantau

kawasan perairan terlibat dan sekitarnya walaupun keadaan telah kembali sedia kala.

“Ini kerana HAB hanya berlaku di Selat Tebrau Timur iaitu perairan Kuala Masai-Teluk Jawa dan bukan di keseluruhan perairan Johor,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Pada 30 Ogos lalu, satu ciapan dimuat-naik dalam Facebook Pejabat Perikatan Negeri Johor memaklumkan kehadiran HAB jenis spesies itu se-

hingga menyebabkan orang ramai mulai panik dan takut untuk membeli ikan dan kerang-kerangan di pasaran.

Menurut Noraishah, Pejabat Perikanan Negeri Johor memaklumkan bahawa notis tersebut tidak pernah melarang orang awam makan ikan dan kerang-kerangan di negeri ini sebaliknya notis tersebut bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat supaya lebih berjaga-jaga tentang kehadiran alga berbahaya.

# Rakyat Johor usah panik beli hasil laut

Tiada lagi  
alga berbahaya  
Selat Tebrau  
Timur dikesan

**Johor Bahru:** Pejabat Perikanan negeri meminta orang awam tidak panik atau takut untuk membeli ikan dan kerang-kerangan di Johor, susulan kemunculan lelekan alga berbahaya (HAB) di Perairan Kuala Masai-Teluk Jawa di Selat Tebrau Timur, dekat sini.

Pengarahnya, Noraishah Hashim, berkata kehadiran HAB daripada spesies *Alexandrium minutum* di lokasi itu tidak lagi dikesan, namun pihaknya masih memantau kawasan perairan ter-

babit dan sekitarnya, walaupun keadaan sudah kembali seperti sedia kala.

Mengulas lanjut, katanya, notis peringatan mengenai kemunculan HAB itu dimuat naik ke laman Facebook Jabatan pada 30 Ogos lalu, menyebabkan masyarakat umum mulai panik dan takut untuk membeli ikan dan kerang-kerangan di pasaran.

"Notis itu tidak pernah melarang orang awam makan ikan dan kerang-kerangan di Johor, sebaliknya bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat supaya lebih berjaga-jaga mengenai kehadiran alga berbahaya itu," katanya.

Beliau berkata, sekiranya terdapat tanda kemunculan alga itu, orang ramai sepatutnya segera melaporkannya kepada Pejabat Perikanan. **BERNAMA**



**Kupang yang sudah tercemar akibat ledakan alga berbahaya di Selat Tebrau Timur.**  
(Foto: Insan Pejabat Perikanan Negeri Johor)

5/9/2020

KOSMO

NEGARA

16



**MOHD. TAUFIQ** menunjukkan roti canal sarang burung yang dijual di kedainya di Sungai Rusa, Balik Pulau semalam.

sebagai nasi.

"Roti sarang burung itu merupakan adunan roti canal dimasak dengan cara lingkaran seperti sarang burung dan ditengahnya diletakkan telur goyang berserta hirisan daging atau ayam.

"Kami menjual roti ini pada harga RM3.60 sekeping untuk set biasa, manakala RMS untuk hidangan dua biji telur dan hirisan daging dan ayam leleh," katanya ketika ditemui di kedainya di sini semalam.

ganda, yang kami permen sepekas bergelut dengan ujian ketika PKP dilaksanakan dahulu," ujarnya.

Mohd. Taufiq berkata, sejak bapanya membuka kedai itu 29 tahun lalu, ini merupakan kali pertama kedai mereka menjadi tumpuan ramai sehingga pelanggan terpaksa beratur untuk menikmati roti sarang burung.

Katanya, pihaknya tetap memastikan prosedur operasi standard mengekang penularan Covid-19 dititikberatkan.

## Kebun fertigasi jadi sumber bulanan

**REMBAU** - Sepasang suami isteri tidak menyangka usaha mereka menanam sayuran secara fertigasi terbiar ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu bakal merintis jalan untuk bergelar usahawan tani.

Misriah Mohamed Yahaya, 37, berkata, idea berkenaan timbul selepas dia dan suami, Zulhelmi Badaruldzaman, 37, kehilangan sumber pendapatan kerana tidak dapat menjual air di lima buah pasar tani ekoran pandemik Covid-19.

Bekas eksekutif bank berkenaan memberitahu, sepanjang fempoh itu, mereka menggunakan wang simpanan bagi menampung perbelanjaan lima orang anak berusia empat hingga 12 tahun.

"Kami fikir untuk berkebun dan meminta kebenaran saudara untuk mengusahakan tanaman fertigasi di atas tanah seluas 01 hektar berhampiran rumah. Pada peringkat awal, kami hanya menggunakan barangan sedia ada dan menyemai benih sayuran yang dibeli di pasar raya.

"Kami bermula dengan tomato yang disemai menjadi 20



**MISRIAH** bersama Zulhelmi menunjukkan sayur-sayuran yang ditanam di kebunnya di Kampung Bukit Kleidang, Rembau semalam.

batang anak pokok diikuti petola, timun dan cili. Cara semaian dan penjagaan dipelajari daripada YouTube dan Facebook," katanya ketika ditemui Kosmo! di Kampung Bukit Kleidang Kota, dekat sini semalam.

Misriah memberitahu, usaha mereka itu membuahkan hasil apabila berjaya menanam 100

banyak membantu menjimatkan belanja dapur mereka sekeluarga.

"Tidak perlu lagi beli sayur, malah ada juga penduduk yang tahu kami usahakan kebun, mula membeli anak pokok dengan kami.

"Syukur sangat kerana apa yang diusahakan sejak PKP bermula, banyak membantu kami sekeluarga menampung perbelanjaan bulanan," ujarnya.

Bercerita lanjut, Zulhelmi memberitahu, mereka merancang untuk meluaskan lagi kebun fertigasi berkenaan dan ketika ini sedang menyiapkan kertas keraja sebelum diserahkan kepada agensi berkaitan.

"Kami menggunakan sepeleuhnya baja dan racun organik, biarpun ketika ini tanaman yang diusahakan belum mencapai tahap jualan namun telah ada permintaan.

"Diharapkan impian kami untuk meluaskan tanaman fertigasi ini dapat direalisasikan supaya ia boleh dijadikan pendapatan keluarga selain membantu penduduk kampung mendapatkan bekalan sayur yang segar," ujarnya.

## Ikan, kerang Johor selamat dimakan

**JOHOR BAHRU** - Jabatan Perikanan Negeri Johor memaklumkan pihaknya tidak pernah melarang orang awam untuk makan basil laut seperti ikan dan kerang-kerangan berikutan kemunculan fenomena Ledakan Alga Berbahaya di Selat Tebrau.

Pengarah Jabatan Perikanan Johor, Noralishah Hashim bagaimanapun menyangkai orang ramai keliru dengan notis yang dikeluarkan pihaknya berikutan alga daripada spesies *Alexandrium Minutum* pada 30 Ogos lalu.

Menurutnya, masyarakat salah faham sehingga panik dan takut untuk membeli ikan dan kerang-kerangan di pasaran berikutan kemunculan fenomena itu.

"Fenomena itu berlaku di Perairan Kuala Masai-Teluk Jawa di Selat Tebrau Timur sahaja, ia tidak berlaku di keseluruhan perairan Johor.

"Notis tersebut dikeluarkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat supaya lebih berjaga-jaga tentang kehadiran alga berbahaya berkenaan," ujarnya.

Tambahnya, pemantauan berterusan akan terus dilakukan pihaknya dan orang ramai yang mempunyai maklumat kehadiran alga berbahaya itu di harap dapat melaporkannya dengan segera.



**ZULHELMI Badaruldzaman dan Misriah Mohamed Yahaya di kebun sayur-sayuran mereka di Kampung Bukit Kledang, Kota, Rembau, Negeri Sembilan. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH IK**

# Tuai hasil kebun PKP

**REBAU:** Sepasang suami isteri tidak menyangka usaha mereka mengusahakan kembali kebun fertigasi terbiar ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu, membuka jalan kepada mereka untuk bergelar usahawan tani.

Misriah Mohamed Yahaya, 37, berkata, idea berkenaan timbul selepas dia dan suami, Zulhelmi Badaruldzaman, 37, kehilangan pendapatan bulanan hampir RM4,000 hasil jualan air di lima buah pasar tani dan juga sebagai ejen produk minuman.

Jelas bekas eksekutif bank itu, semasa pelaksanaan PKP, mereka tidak dapat berniaga seperti biasa dan wang simpanan juga semakin menyusut kerana perlu menampung perbelanjaan keluarga termasuk lima orang anak berusia empat hingga 12 tahun.

"Jadi kami suami isteri fikir untuk berkebun dan meminta kebenaran saudara mengusahakan kembali kebun fertigasi terbiar berhampiran rumah. Kami hanya menggunakan peralatan sedia ada dan di peringkat awal kami menyemai benih melatui sayuran yang dibeli di pasar raya.

"Mula-mula kami semai tomato dapat 20 beg poli, kemudian kami semai petola, timun dan cili. Semuanya kami belajar daripada media sosial seperti Youtube dan Facebook," katanya ketika ditemui di Kampung Bukit Kledang, Kota, dekat sini, baru-baru ini.

Misriah berkata, usaha mereka itu membuahkan hasil apabila kini mereka berjaya menanam pelbagai jenis sayuran termasuk 100 pokok cili, terung panjang, jagung, kobis, halia, nanas dan tembikai.

5/9/2020

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

31

# Madu kelulut asli Abdul Rahman dicari ramai

**BALIK PULAU:** Sewaktu ushawan lain bergelut untuk meneruskan perniagaan mereka ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), berlainan pula dengan orang pengusaha dan penternak kelulut di Pondok Upeh di sini.

Abdul Rahman Mad Taib, 73, tidak perlu bersusah payah memasarkan produk madu kelulutnya kerana hampir setiap hari pelanggan pasti datang ke rumah untuk membeli madu kelulut asli keluarannya.

Madu kelulut yang diusahakan bekas kakitangan keselamatan Malaysian Airlines Bhd. itu telah dikenali ramai hasil usaha Abdul Rahman mempromosi madu kelulutnya di pasar-pasar

tari sejak lima tahun lalu.

Abdul Rahman berkata, madu kelulut yang mempunyai pelbagai khasiat itu mendapat permintaan yang tinggi terutama ketika wabak Covid-19 melanda.

"Saya tidak dapat keluar berniaga di pasar tani ketika PKP, jadi setiap hari pelanggan yang cari saya kerana mereka tahu madu kelulut yang saya jual adalah madu asli.

"Saya tidak mencampurkan bahan tambahan seperti air atau gula di dalam madu kelulut ini kerana mahu mengekalkan khasiatnya," katanya ketika ditemui semalam.

Menurut Abd. Rahman, madu kelulut yang dipercayai dapat membantu menguatkan antibodi

badan serta membantu meredakan batuk dan selesema menjadi antara sebab mengapa ramai pelanggan secara konsisten mencari madu kelulut asli keluarannya.

Katanya, dia mempunyai 30 sarang lebah kelulut spesies itama yang diletakkan di sekitar rumah dan di kebun limau berhampiran rumahnya.

"Secara purata madu kelulut dituai sekitar dua kali setahun dan jika musim panas madu yang diperoleih adalah sekitar 10 hingga 15 kilogram.

"Madu kelulut mampu bertahan lama dan jika disimpan hasilnya warnanya yang akan bertukar menjadi lebih gelap namun khasiatnya tetap sama," katanya.



**ABDUL RAHMAN MAD TAIB** menuai madu kelulut yang diternaknya ketika ditemui di Pondok Upeh, Balik Pulau, Pulau Pinang. - UTUSAN/  
**AMIR IRSYAD OMAR**